

SULIT



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

3756/2

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

September

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan di **Bahagian B.***
3. *Tulis jawapan anda pada Kertas Helaian yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
4. *Bersama-sama dengan kertas soalan ini, tiap-tiap calon akan diberi alat tulis perakaunan berikut:*

<i>Jurnal</i>	<i>2 helai</i>
<i>Lejar</i>	<i>5 helai</i>
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
7. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan marakah.*
8. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.*
9. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

BAHAGIAN A

[60 markah]

Jawab semua soalan.

1. a. Dokumen perniagaan berikut diperoleh daripada Perniagaan Mayang Sari.

ASAL	RESIT	No : 2352
SYARIKAT SAUJANA BERHAD		
L3.44, JALAN SEPAKAT		
83100 BATU PAHAT		
JOHOR.		
No Tel: 07-2341892		
<i>Tarikh: 12 Julai 2011</i>		
Diterima daripada : <u>Perniagaan Mayang Sari</u>		
Ringgit Malaysia : <u>Empat ribu dua ratus tujuh puluh lima sahaja</u>		
Bayaran untuk : <u>Menjelaskan sepehuhnya invois No 2999</u>		
<u>(kurang RM225 diskaun tunai)</u>		
RM4 275.00		
Tunai / No. Cek : BIMB 456413		<u>Jeri</u> Pengurus

- i. Perniagaan manakah yang mengeluarkan resit tersebut?
 ii. Apakah bentuk bayaran yang diterima oleh penerima? (2 markah)
- b. Jurnal Am berikut diperoleh daripada Kedai Buku Selesa.

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
2011	Alatan Pejabat	5 400	
Mei 25	Pusat Komputer Canggih		5 400
	(Beli alatan pejabat secara kredit)		

- Pindahkan catatan tersebut ke dalam lejar yang berkaitan. [2 markah]
- c. Perniagaan Amnan membeli sebuah mesin bernilai RM33 000 dan dijangka dapat digunakan selama 5 tahun dan mempunyai nilai skrap sebanyak RM3 000. Berapakah susut nilai tahunan bagi aset tersebut? [2 markah]
- d. Syarikat Cahaya Berhad mempunyai modal dibenarkan sebanyak 1 000 000 unit saham biasa. Berapakah modal dibenarkan jika nilai tara ialah RM0.30? [2 markah]
- e. Nyatakan dua kaedah yang digunakan untuk menentukan keuntungan atau kerugian bagi perniagaan yang mengamalkan rekod tak lengkap. [2 markah]

2. Berikut adalah Imbangan Duga Kedai Buku Bintang pada 30 Jun 2011:

	RM	RM
Modal 1 Julai 2010		84 800
Aset Bukan Semasa pada harga kos		
Lengkapan	45 000	
Kenderaan	56 000	
Susutnilai terkumpul lengkapan		10 000
Susutnilai terkumpul kenderaan		12 000
Ambilan	4 600	
Belian dan Jualan	101 100	205 040
Simpanan Tetap	15 000	
Bank	3 200	
Tunai	250	
Stok 1 Julai 2010	15 480	
Penghutang dan Pemiutang	28 510	18 540
Pulangan	840	210
Hutang Lapuk	400	
Diskaun	190	
Komisen		360
Gaji	41 350	
Penyelenggaraan kenderaan	8 630	
Insurans	1 200	
Sewa	9 200	
	330 950	330 950

Maklumat tambahan pada 30 Jun 2011 :

- (i) Stok akhir bernilai RM16 250 pada harga kos dan bernilai RM17 450 pada harga pasaran.
- (ii) Gaji terakru RM1 850.
- (iii) Insurans yang dibayar adalah untuk setahun bermula pada 1 Oktober 2010.
- (iv) Pulangan kepada pembekal RM600 belum direkodkan di mana-mana buku.
- (v) Baki seorang penghutang RM510 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (vi) Sebahagian daripada lengkapan yang bernilai RM25 000 telah dibeli pada 1 Januari 2011 dan semua lengkapan disusutnilaikan sebanyak 10% setahun mengikut kaedah garis lurus
- (vii) Kenderaan disusutnilaikan sebanyak 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (viii) Mewujudkan peruntukan hutang ragu sebanyak 2% atas baki penghutang.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2011. [13 markah]
- (b) Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2011.(Tunjukkan modal kerja) [12 markah]

3. Butir-butir berikut adalah berhubung dengan Kelab Rekreasi Banang, Batu Pahat:
 (a) Aset dan liabiliti pada 1 Januari 2010:

	1 Januari 2010	31 Disember 2010
	RM	RM
Alatan Sukan	1300	?
Stok minuman	225	170
Pemiutang minuman	170	130
Penghutang minuman	110	170
Yuran tertunggak	140	60
Yuran terdahulu	80	120
Akhbar dan majalah terakru	50	-
Stok Alat tulis	-	30

- (b) Berikut adalah maklumat kewangan kelab:

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2010			
	RM		RM
Baki b/b	560	Pemiutang minuman	1 120
Yuran masuk	230	Belian minuman	660
Yuran ahli	5 440	Upah kedai minuman	670
Derma	12 000	Air dan elektrik	790
Penghutang minuman	980	Alatan Sukan	1 000
Jualan minuman	1 100	Insurans	250
		Akhbar dan majalah	130
		Alat tulis	90
		Baki h/b	15 600
	<u>20 310</u>		<u>20 310</u>

- (c) Maklumat Tambahan:

- Semua alatan sukan disusutnilai pada kadar 10% setahun atas kos.
- Derma yang diterima adalah untuk membina gelanggang tenis.
- Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai penerimaan hasil

Anda dikehendaki menyediakan:

- Penyata Dana Terkumpul pada 1 Januari 2010. [3 markah]
- Akaun Yuran. [2 markah]
- Akaun Kawalan Penghutang dan Akaun Kawalan Pemiutang [4 markah]
- Akaun Perdagangan Minuman bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 [4 markah]
- Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010. [6 markah]
- Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2010. [5 markah]
- Apakah perbezaan antara belanja hasil dan belanja modal? [1 markah]

BAHAGIAN B

[40 markah]

Jawab dua soalan sahaja.

4. RKH Industries (J) Bhd ialah sebuah perniagaan yang mengeluarkan komponen elektronik. Berikut ialah maklumat yang dipetik daripada perniagaan tersebut bagi tahun berakhir 31 Jun 2011.

	RM
Stok pada 1 Julai 2010:	
Bahan mentah	20 500
Kerja dalam proses	12 500
Barang siap	30 000
Alat-alat kecil	2 500
Jualan	592 500
Belian bahan mentah	100 000
Belian alat-alat kecil	6 700
Pulangan belian bahan mentah	3 000
Angkutan masuk bahan mentah	2 500
Buruh langsung	144 000
Sewa kilang	16 900
Sewa pejabat	6 000
Kadar bayaran	14 000
Insurans	21 000
Gaji: Penyelia kilang	43 200
Pejabat	49 200
Belanja am pejabat	24 000
Belanja Penyelenggaraan bangunan	13 200
Pembersihan: Kilang	12 000
Pejabat	6 000
Mesin (kos)	60 000
Susut nilai terkumpul mesin	15 000
Sewa alatan pejabat	9 000
Stok pada 30 Jun 2011:	
Bahan mentah	25 000
Kerja dalam proses	17 500
Barang siap	24 000
Alat-alat kecil	1 100

Maklumat tambahan:

- (i) Sewa kilang terdahulu sebanyak RM1 300
- (ii) Kadar bayaran terakru RM2 800
- (iii) Insurans terdahulu sebanyak RM3 000
- (iv) Mesin disusutnilaikan pada kadar 15% setahun atas baki berkurangan.
- (v) Kadar bayaran, insurans dan belanja penyelenggaraan bangunan adalah 80% untuk kilang dan 20% untuk pejabat

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun alat-alat kecil pada 30 Jun 2011 [3 markah]
- b) Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2011 [15 markah]
- c) Penyata Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2011 [2 markah]

5. Cik Nadiah memulakan perniagaan Kedai Buku Nadiah dengan membawa masuk tunai RM20 000 dan kenderaan RM50 000 sebagai modal. Beliau telah menyediakan anggaran kewangan bagi tiga bulan berakhir 30 Jun 2011.

Anggaran tersebut adalah seperti berikut:

- i. Jumlah jualan bagi bulan April bernilai RM10 000 dan akan bertambah setiap bulan sebanyak 15% daripada jualan bulan sebelumnya. 80% daripada jualan merupakan jualan tunai dan bakinya akan diberi tempoh kredit sebulan.
- ii. Belian dilakukan 2 bulan sekali bermula bulan April dan dikurangkan 10% bagi bulan Jun. Jumlah belian bagi bulan April RM12 000. 70% belian merupakan belian tunai dan bakinya akan diberi tempoh kredit 2 bulan.
- iii. Pada bulan April perniagaan akan menerima 150 orang pemegang kad diskaun. Setiap ahli akan dikenakan yuran keahlian RM5.00.
- iv. Perniagaan akan menerima hasil komisen sebanyak RM250 sebulan kerana menjadi ejen pengedar bagi pelbagai penerbitan majalah dan akhbar.
- v. Pinjaman bank sebanyak RM5 000 akan diperoleh pada bulan Mei dengan kadar faedah 4% setahun dan dibayar balik dalam masa 2 tahun. Bayaran balik pinjaman secara ansuran akan bermula bulan Jun 2011.
- vi. Belanja bulanan adalah seperti berikut:

	RM
Gaji	300
Sewa	200
Belanja am	120

- vii. Pada bulan April, perniagaan membeli mesin daftar tunai berharga RM 1 200. Perniagaan akan membayar tunai RM 200 pada bulan April dan bakinya akan dibayar sama banyak antara bulan Mei dan Jun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 Jun 2011. [18 markah]
- (b) Nyatakan dua tujuan kawalan tunai bagi sesebuah perniagaan. [2 markah]

6(a) Urus niaga berikut dipetik daripada Akhmal Enterprise sepanjang bulan Mei 2011.

- (i) Terima tunai RM2 000 daripada penghutang dan memberi diskaun RM50.
- (ii) Pemilik membawa masuk komputer kepunyaan sendiri bernilai RM1 800 ke dalam perniagaan.
- (iii) Menjual barang niaga berkos RM1 000 dengan harga RM1 500 secara tunai.
- (iv) Pemilik mengambil tunai RM150 untuk membayar bil elektrik rumah kediamannya.

Urus niaga	Kesan urus niaga atas aset					Kesan urus niaga atas ekuiti+liabiliti		
	Alatan pejabat	Penghutang	Stok	Tunai	Bank	Modal	Untung bersih	Pemiutang
	7 400	4 800	9 300	1 600	(1 500)	10 000	8 100	3 500
(i)								
(ii)								
(iii)								
(iv)								
Mei 31								

Anda dikehendaki:

- i. Salin dan lengkapkan jadual persamaan perakaunan di atas berdasarkan urus niaga (i) hingga (iv). [8 markah]
- ii. Menyediakan Kunci Kira-kira pada 31 Mei 2011 [6 markah]

SULIT

6(b). Syarikat Bindu Sdn.Bhd. ialah perniagaan yang membekalkan pasu bunga di Subang Jaya. Berikut ialah petikan imbangan duga syarikat tersebut.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2010

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Lengkapan	13 000	
Susut Nilai Berkumpul - Lengkapan		3 900

Maklumat tambahan:

- (i) Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 20% mengikut kaedah garis lurus.
- (ii) Pada 31 Disember 2010, lengkapan dijual secara tunai dengan harga RM7 200.
- (iii) Tahun kewangan syarikat berakhir 31 Disember 2010.

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|--|-------------------|
| (i) Akaun Lengkapan | <i>[1 markah]</i> |
| (ii) Akaun Susut Nilai Berkumpul Lengkapan | <i>[3 markah]</i> |
| (iii) Akaun Pelupusan Lengkapan | <i>[2 markah]</i> |

KERTAS SOALAN TAMAT